

# Ahli Umno kena buang kepentingan diri

B4 - 11/5/2006

**S**EMPENA ulang tahun Umno ke-60 hari ini, sudah tiba masanya untuk ahli Umno memikirkan masalah dan cabaran yang bakal dihadapi. Sebagai mewakili suara generasi muda, saya berasa bangga kerana Umno berjaya menjadi jaguh pendidikan kepada bangsa Melayu dan melihat perkara ini sebagai jihad terbesar Umno.

Umno menyediakan kemudahan, prasarana dan bantuan kewangan menerusi dasar yang menguntungkan orang Melayu. Umno melakukan reformasi pendidikan secara berperingkat dan jelasnya sistem pendidikan kita sekarang jauh lebih baik berbanding 20 tahun lalu.

Tetapi malangnya, orang Melayu mengambil sikap sambil lewa dengan tidak membayar pinjaman, memperolehi keputusan peperiksaan yang kurang memberangsangkan dan ada kalanya menghentam dasar yang banyak menguntungkan mereka.

Secara analoginya, Umno menyediakan hidangan yang cukup lazat kepada generasi kini tetapi kita tidak mengoptimalkan hidangan lazat itu sehingga kita alpa untuk menikmati keenakannya.

Kita hanya tahu menghabiskannya dan akan melenting apabila hidangan lazat itu ditukar kepada hidangan sederhana. Apabila dasar meritokrasi diperkenalkan, semua orang melenting kerana mereka tidak pernah menghargai dasar kerajaan sebelum ini.

Walaupun demikian, kerajaan masih lagi membuka peluang dan memberi ruang kepada orang Melayu dalam bidang pendidikan.

Satu lagi cabaran besar bagi Umno ialah sikap ahlinya yang belum lagi matang untuk membahagikan kepentingan rakyat melebihi kepentingan peribadi. Jika diperhatikan, prinsip perjuangan ahli Umno kian berubah sejak 10 tahun kebelakangan ini.

Andainya dapat direnung kembali falsafah perjuangan Allahyarham Tun Ghafar Baba, 'orang panggil saya datang, orang suruh saya pergi, orang bagi saya ambil dan orang minta saya pulangkan'. Cukup besar pengertian falsafah Allahyarham.

Sifat taat dan berani ini tidak ada pada generasi muda hari ini khususnya di kalangan pemimpin muda

Umno. Mereka hanya taat kepada pemimpin yang mampu menyediakan 'dulang emas beralaskan sutera' dan hanya berani mempertahankan hak yang batil demi menjaga kedudukan pemimpin agar lebih lama bertahan daripada bertuankan pemimpin yang hanya memiliki akal yang bijak, budi pekerti yang luhur dan secebis iman di dada.

Inilah satu fenomena yang cukup tragik untuk diterima oleh veteran Umno yang terdahulu yang berjuang hanya berpaksikan kebenaran dan kedaulatan bangsa, berpaterikan iman dan akal menjunjung agama memperkasa budaya tanpa dicemari walau secalit hasad dan dengki tanpa dinodai walau sekelumit dendam dan prasangka!

Kini, untuk menjadi ahli Umno, mereka harus fikir arah kem mana yang harus dijunjung, 'tokong' yang mana harus dipertuankan dan untuk menjaga segala kepentingan, mullah mereka menjadi polong yang tidak bertuan!

Nilai perjuangan sudah tidak diambil kira lagi dan rakyat di luar mula bertanya-tanya adakah arus perdana dalam Umno kini benar-benar sihat? Satu persoalan yang terlalu subjektif untuk dirungkaikan.

Usik-usik bekas pemimpin veteran Umno mula menyelinap di halwa telinga. Pejuang Umno terdahulu, taat setia ahlinya adalah kepada pemimpin yang memegang tampuk pemerintahan pada masa itu. Itu adalah prinsip kepada organisasi dan prinsip kepemimpinan dan yang dipimpin.

Sifat percaya dan taat kepada pemimpin harus disemai semula agar ia benar-benar dijiwai oleh ahli Umno baru. Benar kata orang yang patah akan tumbuh, yang hilang akan berganti tetapi biarlah tunas yang baru tumbuh itu lebih baik kualitasnya dan yang berganti itu lebih kuat daripada yang sebelumnya agar ia tidak akan hilang dan patah sebelum waktunya.

Sayangkan Umno taat-taatkan, sayangkan bangsa maruah dilupa jangan. Selamat ulang tahun Umno yang ke-60!

**RAFIDAH MOHD ARIFIN,**  
*Ketua Pergerakan Puteri Umno,  
Bahagian Tanah Merah, Kelantan*